

KITAB TASAWUF MELAYU OLEH TUAN HAJI WAN ABDULLAH BIN HAJI WAN MOHD AMIN (TOK SHEIKH DUYUNG): SATU PENGANTAR

*Mohd Taufik Arridzo bin Mohd Balwi**

PENDAHULUAN

Terengganu merupakan antara negeri Melayu terawal menerima hidayah Islam. Islam dikatakan mula bertapak di Terengganu pada akhir abad ke-13 dan awal abad ke-14M. Kenyataan ini terbukti melalui Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H/1303M (Abdul Rahman Abdullah 2000: 332 – 333).

Perkembangan Islam dikatakan semakin bersemarak mulai zaman Syaikh Abd al-Malik bin Abdullah atau lebih dikenal Tok Pulau Manis iaitu pada pertengahan abad ke-17M (Shafie Abu Bakar di dalam Abdullah Zakaria Ghazali 1984: 13-14). Ramai ulama tempatan dan ulama luar datang ke Terengganu mengembangkan ilmu-ilmu Islam. Tok Pulau Manis sendiri telah mengasaskan sistem pendidikan pondok, yang kemudian tradisi ini telah diteruskan oleh para ulama lain, termasuk anak murid Tok Pulau Manis (Abdul Rahman Abdullah 2000: 334).

Perkembangan Islam semakin rancak hingga pada zaman sebelum penjajahan Inggeris. Pada waktu itu Terengganu telah melahirkan ramai ulama yang sangat dikenali oleh penduduk Terengganu sehingga kini. Salah seorang antara mereka ialah Tuan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin atau lebih dikenali Tok Syeikh Duyung. Pada masa hayatnya dikatakan telah menjadi mufti Negeri Terengganu, dan berkhidmat di bawah tiga orang sultan, iaitu Sultan Umar (1839-1876), Sultan Ahmad Syah II (1876-1881), dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) (di dalam Abdul Rahman Abdullah 2000: 335). Tok Syeikh Duyung juga merupakan salah seorang guru yang mendidik Sultan Zainal Abidin III (Haji Muhammad Saleh Haji Awang 1992: 202). Tok Syeikh Duyung telah meninggal dunia pada kira-kira jam 4 petang, 12 Jamadil Akhir 1306H, bersamaan 13 Februari 1889M (Haji Muhammad Saleh Haji Awang 1992: 226).

* Pensyarah di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.


Beliau dikatakan telah meninggalkan banyak kitab yang ada di dalam simpanannya. Pada makalah ini, salah satu daripada kitab Tok Syeikh Duyung akan dibentangkan. Kitab ini diberi jodol *Kitab Tasawuf Melayu*, walau bagaimanapun jodol tersebut bukanlah jodol asal kitab tersebut. Ia ditandakan dan di simpan di dalam kotak no. 4, di dalam Arkib Negara Cawangan Terengganu/Pahang.

KARYA-KARYA TOK SYEIKH DUYUNG

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Arkib Cawangan Terengganu dan Pahang, Tok Syeikh Duyung telah meninggalkan banyak naskhah yang dimilikinya. Dianggarkan Tok Syeikh Duyung telah meninggalkan lebih daripada 70 buah naskhah. Sebahagian besar naskhah tersebut disimpan di dalam Arkib Cawangan Terengganu dan Pahang. Walau bagaimanapun, sebahagian besarnya masih belum diusik, atau dilakukan rekod dan pembaikan. Senarai lengkap karya-karya yang ada di Arkib Cawangan Terengganu dan Pahang ada dilampirkan.

KEADAAN FIZIKAL KITAB *TASAWUF MELAYU*

Kitab ini dicatatkan sebagai *Kitab Tasawuf Melayu* oleh pihak Arkib. Ia di simpan di dalam Kotak No. 4. Kulit kitab ini berasal daripada kulit binatang, dan mungkin kulit kambing. Ia boleh dilihat berdasarkan gambar di bawah:



Ia mengandungi 360 halaman yang bertulis dan kosong.

Ukuran kertas setiap halaman:


- i. Panjang: 21.5 sm
- ii. Lebar: 13.5 sm

Ukuran kulit Kitab secara keseluruhannya:


- i. Panjang: 20.8 sm
- ii. Lebar: 43.1 sm

Keadaan kitab ini agak baik, sebahagian besar tulisannya masih boleh dibaca. Walau bagaimanapun, kertas-kertas naskhah tersebut sebahagian besarnya telah tertanggal daripada jilidnya yang asal. Ia boleh diasingkan di antara setiap kertas dengan mudah.

Pada halaman pertama terdapat tulisan "dakhala hādhā al-kitāb fī milk 'Abdi'Liāh ibn Muhammad Amīn". Ia dapat dilihat pada contoh di bawah.





(Halaman pertama)



(Perkataan yang menunjukkan kitab ini milik Abdullahin Muhammad Amin iaitu Tok Syeikh Duyung)

Selain itu, di dalamnya juga terdapat cop mohor nama pemilik naskhah ini pada halaman 6 iaitu pada awal petikan kitab. Salinannya ada dinyatakan di bawah, bersama cap mohor nama yang dibesarkan di sebelahnya:



(Cop mohor bernama 'Abdu'Llāh ibn Muhammad Amīn)

Secara langsung gambar di atas membuktikan bahawa naskhah ini sememangnya kepunyaan Tuan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin, atau lebih dikenali sebagai Tok Syeikh Duyung.

Pembahagian Kitab

Sebahagian besar kandungannya ditulis dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun ada juga yang ditulis dalam bahasa Melayu, dan juga bahasa Parsi (pada hemah pengkaji sahaja). Penulisan ini menggambarkan penguasaan penulisnya dalam bahasa-bahasa tersebut.

Kitab ini mengandungi lebih kurang 35 bahagian. Sebahagian besarnya membincangkan tentang beberapa konsep di dalam pengajian Tasawuf, khususnya *A'yān Thābitah*.

Bahagian 1

Perkara:	Tauhid
Tajuk:	Tiada
Halaman:	2 halaman
Bahasa:	Bahasa Melayu

Pokok perbincangan: Secara ringkas tentang hakikat wujud manusia di dunia ini. Manusia, khususnya jismnya memenuhi dua puluh iaitu sifat-sifat yang berlawanan dengan sifat wajib bagi Allah. Pada halaman terakhirnya, ada dicatatkan pada bahagian tepinya petua azimat tangkal demam malam.

Bahagian 2


Perkara: Taubat
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Cara-cara untuk melakukan taubat

Bahagian 3

Perkara: Tauhid
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Menyatakan secara ringkas asal kejadian Nabi Adam. Di dalamnya juga ada membincangkan secara ringkas tentang wadi, mazi, mani, dan manikam.

Bahagian 4

Perkara: Tauhid/Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 79 halaman (1 halaman= 11 baris perkataan). Pada halaman pertama bahagian ini ada tanda mohor nama Tok Syeikh Duyung seperti yang dinyatakan di atas.
 Bahasa: Bahasa Arab (ia diterjemah ke bahasa Melayu secara perkataan dengan perkataan, iaitu dicatat di bawah hampir setiap perkataan Arab) Contoh:



(Terjemahan ke bahasa Melayu berasaskan perkataan dengan perkataan)


Pokok perbincangan: Ia dimulakan dengan lafaz bismi'Llāh al-rahmān al-rahīm. Walau bagaimanapun tidak ada hamda'Llāh. Membincangkan secara terperinci makna *Allah turun*, dan *satu pertiga akhir malam* yang ada di dalam satu hadith Nabi Muhammad SAW. Hadith tersebut ialah:
 ان الله ينزل في الثلث الاخر من كل ليلة الى السماء الدنيا

Perbincangan ini ialah di dalam pemahaman lebih lanjut tentang ma'rifat. Ia juga membincangkan tentang alam lahut, iaitu tentang 'arasy, al-muntahā dan sebagainya.

Ia sebahagian kitab lain yang disalin semula. Ini berdasarkan di dalamnya ada dinyatakan bab, iaitu terus kepada Bab 43 (Al-Bāb al-Thālith wa al-Arba'ūn...).

Bahagian 5

Perkara: Tauhid
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 20 halaman (Berkemungkinan ia sebahagian daripada kitab lain yang disalin semula)
 Bahasa: Bahasa Arab (ia diterjemah ke bahasa Melayu secara perkataan dengan perkataan, iaitu dicatat di bawah hampir setiap perkataan Arab)
 Pokok perbincangan: Bahagian ini tidak ada sebarang pendahuluan. Ia membincangkan tanda-tanda kiamat kecil dan besar. Contoh petikannya seperti di bawah:



(Petikan awal bahagian ini, menunjukkan perkara yang akan dibincangkan di dalam teks)

Bahagian 6

Perkara: Tauhid/Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 6 halaman (Berkemungkinan ia sebahagian daripada kitab lain yang disalin semula)
 Bahasa: Bahasa Arab (ia diterjemah ke bahasa Melayu secara perkataan dengan perkataan, iaitu dicatat di bawah hampir setiap perkataan Arab)
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah, terus kepada perbincangan. Perbincangan dilakukan berasaskan Hadith Quqsi:
 انا جليس من ذكرني...
 D daripada hadith di atas, dijelaskan lebih lanjut tentang konsep ihsan, khususnya tentang musyahadah Allah.

Bahagian 7

Perkara: Tauhid/Tasawuf
 Tajuk: Tiada

- Halaman: 5 halaman (Berkemungkinan ia sebahagian daripada kitab lain yang disalin semula)
- Bahasa: Bahasa Arab (ia diterjemah ke bahasa Melayu secara perkataan dengan perkataan, iaitu dicatat di bawah hampir setiap perkataan Arab) dan bercampur sedikit bahasa Melayu.
- Pokok perbincangan: Bahagian ini tidak ada sebarang pendahuluan. Ia membincangkan tentang ma'rifat hamba terhadap Allah.

Bahagian 8

- Perkara: Tasawuf
- Tajuk: Tiada
- Halaman: 2 halaman
- Bahasa: Bahasa Melayu
- Pokok perbincangan: Bahagian ini tidak ada sebarang pendahuluan. Ia mengulas hadith Nabi Muhammad SAW yang membincangkan tentang cahaya dan kegelapan yang melindungi ma'rifat kepada Allah.

Bahagian 9

- Perkara: Tauhid
- Tajuk: Tiada
- Halaman: 3 halaman
- Bahasa: Bahasa Arab
- Pokok perbincangan: Bahagian ini tidak ada sebarang pendahuluan. Ia membincangkan tentang ketaatan kepada Nabi Muhammad SAW.

Bahagian 10

- Perkara: Fikah
- Tajuk: Tiada
- Halaman: 2 halaman
- Bahasa: Bahasa Melayu
- Pokok perbincangan: Bahagian ini tidak ada sebarang pendahuluan. Soal jawab berkaitan waktu solat, rakaat solat, solat jamaah, darah dan tahi ikan.

Bahagian 11

- Perkara: Petua (Menamakan bayi)
- Tajuk: Tiada
- Halaman: 2 halaman
- Bahasa: Bahasa Melayu
- Pokok perbincangan: Petua nama-nama yang baik untuk diberikan kepada bayi, iaitu berdasarkan hari kelahiran.

Bahagian 12


- Perkara: Tauhid/Tasawuf
- Tajuk: *Al-Sayf al-Qāṭi' al-Maslūk 'Alā Man Yunsabu Li Mawlānā Jalla wa 'Azza Ma Turaddiduhu al-'Uqūl wa al-Nuqul*
- Halaman: 12 halaman

Bahasa:

Bahasa Arab

Pokok perbincangan:

Ada mukadimah. Ia merupakan risalah yang sempurna yang ditulis oleh seorang alim pada tahun 990H, ketika melawat Bandar Aceh. Pada mukaddimahnya dinyatakan pada waktu itu suasana di Bandar Aceh yang penduduknya sangat beragama, dan sedang berlaku perbincangan di hadapan Qadī al-Qudāh al-Malik al-'Ādil tentang berdiri Allah pada zatNya itu adakah muhdathah atau qadīmah. Menurut penulis risalah ini, ia ditulis sebagai pengajaran kepada umat Islam tentang persoalan akidah, khususnya tentang muhdathah dan qadīmah. Risalah ini diberi nama *Al-Sayf al-Qāfi' al-Maslūk 'Alā Man Yunsabu Li Mawlānā Jalla wa 'Azza Ma Turaddiduhu al-'Uqūl wa al-Nuqul*. Walau bagaimanapun tidak dinyatakan nama pengarang risalah ini, sama ada ia dari Terengganu, atau lainnya. Contoh:



Bahagian 13

Perkara:

Tasawwuf

Tajuk:

Tiada

Halaman:

7 halaman

Bahasa:

Bahasa Arab

Pokok perbincangan:

Bahagian ini membincangkan hadith qudsi, yang menyatakan tujuan dijadikan makhluk "kuntu kanzan makhfiyyan fa ajabtu an u'rafa fa khalaqtu al-khalqa li a'rafa isykālan 'azīman". Kerana menurut penulis, pada waktu ramai ulama tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan hati para penanya.

Bahagian 14

Perkara:

Tauhid/Tasawuf

Tajuk:

Tiada


Halaman: 37 halaman (Satu halaman: 15 baris)
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Membincangkan hakikat alam. Perbincangannya meliputi konsep-konsep wahdah, ahadīyah, wāhidīyah, dan wājib al-wujūd.

Bahagian 15

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 35 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Membincangkan taraqqi hamba kepada Allah.

Bahagian 16

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 8 halaman (Berkemungkinan ia sebahagian daripada kitab lain yang disalin semula)
 Bahasa: Kemungkinan bahasa Parsi (ia diterjemah ke bahasa Melayu secara perkataan dengan perkataan, iaitu dicatat di bawah hampir setiap perkataan Parsi)
 Pokok perbincangan: Ada mukadimahnyanya iaitu perkataan basmalah, tetapi tidak ada hamdallah. Membincangkan hadith “man ‘arafa nafsahu faqad ‘arafa rabbahu”. Ia selanjutnya membincangkan tentang a‘yān thābitah. Contoh:



Bahagian 17

Perkara: Tajwid
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman (Ia mungkin sebahagian dari kitab tajwid lain)
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Membincangkan tempat keluar huruf (makhraj) di dalam mulut.


Bahagian 18

Perkara: Fikah
 Tajuk: Tiada

Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Petikan-petikan pendek seperti pandangan Imam al-Ghazali tentang sedekah.

Halaman 19

Perkara: Tauhid/Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 39 halaman (Satu halaman: 14 baris)
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Kemungkinan ia lanjutan perbincangan pada bahagian 14 dan bahagian 15 di atas. Ia membincangkan tentang hakikat Nabi Muhammad SAW ketika di dalam alam al-arwāh, alam al-mithāl, dan di dalam rahim ibu baginda iaitu Aminah. Ia juga menjelaskan perbezaan hubungan intim (waṭī) antara Aminah dengan ‘Abdu’Llāh (ibubapa Nabi Muhammad SAW). Selain itu pada bahagian ini juga ada membincangkan “*Bab Pada menyatakan Hakikat Diri*”, iaitu menjelaskan hakikat manusia. Di dalamnya ada dibincangkan mi'rāj Nabi Muhammad SAW ketika bertemu Allah Rabb al-Jalil. Selain itu ada dibincangkan juga “*Bab Ini Maklumat Ilahi Peri Menyatakan 'isyq 'āsyiq ma'syūq*”. Contoh petikan:



(Bab yang dinyatakan di dalam bahagian ini)

Bahagian 20

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 9 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia didahului dengan “*Qāla Imām Ja'far ibn Muhammad Makkīyah maka berkata Imam Ja'far bāligh mubāligh mablūgh*”. Ia merupakan soal jawab di antara dua orang iaitu Sulṭān Bāyazīd

dan Imām Muhammadanī pada beberapa masalah dalam tasawuf, iaitu tentang baligh dan ghaib.

Bahagian 21


Perkara: Tauhid

Tajuk: Tiada

Halaman: 15 halaman

Bahasa: Bahasa Melayu

Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia mungkin petikan kitab Imam al-Ghazālī kerana ada kenyataan di dalamnya *"Itulah maka Imām berbuat kitab Suwāgh supaya jangan bersalahan agama daripada Nabi karena kata Imām Ghazālī rahimahu'LLāh 'alayh jika tiada ada pendita ba'da aku ini bertemu dengan kitab Suwāgh dan qā'idah 'ulūm al-dīm nescaya bertempur agamanya daripada agama Nabi salla'LLāh 'alayh"*. Di dalamnya membincangkan tentang tujuh puluh pecahan agama yang sesat. Contoh:



Bahagian 22

Perkara: Tasawuf

Tajuk: Tiada

Halaman: 1 halaman

Bahasa: Bahasa Melayu

Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia menjelaskan secara ringkas gambaran alam yang ada pada kejadian manusia, khususnya bulan dan hari dengan anggota manusia. Contoh, Muharram = kening kanan, dan hari ahad = dalam biji mata.

Bahagian 23

Perkara: Tasawuf


Tajuk: Al-Sulūk Dhāt al-Kamāl Fī Wajh al-Dalīl Şifāt al-Jamāl

Halaman: 21 halaman

Bahasa: Bahasa Parsi bercampur bahasa Melayu


Pokok perbincangan:

Ada mukadimah. Ia menjelaskan tentang Qāba Qawsayn. Ia juga mungkin menceritakan pengalaman sālik yang mencapai maqām fanā'. Contoh:



(Halaman pertama bahagian ini)

(Petikan yang menunjukkan nama bahagian ini)



(Petikan lain daripada bahagian yang sama)

Bahagian 24

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 2 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia menyatakan gambaran alam besar di dalam kejadian manusia. Contoh, lawh al-mahfūz = lidah, air zamzam = air mata.

Bahagian 25

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada

Halaman: 9 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia mungkin kesinambungan dengan bahagian 20 di atas. Pada bahagian ini, Imām Ja'far ibn Muhammad Makkīyah membincangkan tentang perkataan ALLAH (• J J l) yang meliputi nafi dan ithbat.

Bahagian 26


Perkara: Kosong
 Tajuk: Kosong
 Halaman: 2 halaman
 Bahasa: Kosong
 Pokok perbincangan: Kosong.

Bahagian 27

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 4 halaman
 Bahasa: Bahasa Arab
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Membincangkan empat perkara iaitu syariat, ṭarīqat, haqīqat, dan ma'rifat. Gambaran keempat-empat ini ada di dalam kejadian manusia.


Bahagian 28

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 7 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Ada mukadimah, iaitu basmalah sahaja. Ia membincangkan perbezaan sebutan "ahad" oleh orang awam dengan orang yang kasyaf. Ia juga menjelaskan keadaan orang yang sedang fana' antara kenyataannya "*Maka Allah ta'ālā jua yang melihat dan yang dilihat jika adalah demikian maka sempurna fanā' hukumnya itulah bernama faqīr fanā' sempurna awliya Allah ta'ālā yakni pertama martabat 'isyq'*". Contoh bahagian ini:



Bahagian 29

Perkara: Tasawuf
Tajuk: Tiada
Halaman: 8 halaman
Bahasa: Bahasa Parsi
Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia membincangkan tentang a'yān thābitah dan wujud idāfi. Contoh halaman pertama bahagian ini:



Bahagian 30

Perkara: Tasawuf
Tajuk: Tiada
Halaman: 12 halaman
Bahasa: Bahasa Arab (terjemahan dari bahasa Pari kepada bahasa Arab)
Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia membincangkan tentang a'yān thābitah dan wujud idāfi.

Bahagian 31

Perkara: Fikah (solat)
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Arab
 Pokok perbincangan: Bacaan tasyahhud akhir

Bahagian 32

Perkara: Fikah (solat)
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Rukun solat jenazah.

Bahagian 33

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 2 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Terjemahan dari kitab Syeikh Muhyi al-Din ibn 'Arabī dari kitab Lubāb al-Şūfī, iaitu tentang mengenal diri dan mengenal Allah.

Bahagian 34

Perkara: Fikah (solat)
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 1 halaman
 Bahasa: Bahasa Arab
 Pokok perbincangan: Doa qunut solat subuh.

Bahagian 35

Perkara: Tasawuf
 Tajuk: Tiada
 Halaman: 2 halaman
 Bahasa: Bahasa Melayu
 Pokok perbincangan: Tidak ada mukadimah. Ia membincangkan tentang ma'rifat.

Penutup

Berdasarkan isi kandungan yang ada di dalam kitab yang diberi judul *Kitab Tasawuf Melayu* di atas, memperlihatkan Tok Syeikh Duyong, sangat akrab dengan perbincangan-perbincangan tasawuf, khususnya yang disifatkan sebagai Tasawuf Falsafah.

Selain itu, berdasarkan bahasa tulisan yang dikemukakan, memperlihatkan kemahiran beliau dalam beberapa bahasa, khususnya bahasa-bahasa Arab, Parsi dan Melayu.

Rujukan

- Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tok Sheikh Duyung), t.t. *Kitab Tasawuf Melayu*.
- Abdul Rahman Abdullah, 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Zakaria Ghazali (peny.), 1984. *Terengganu dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Dato' Haji Muhammad Saleh Haji Awang, Mohd Yusof Abdullah, Mohamad Abu Bakar dan Haji Othman Haji Ali, 1992. *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H = 1942M*. Kuala Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.

Lampiran

SENARAI KITAB-KITAB YANG TERDAPAT DI ARKIB NEGARA CAWANGAN TERENGGANU/PAHANG*

Y.Bhg. Dato' Wan Sulaiman bin Wan Abdullah

I. SP/2 - Kitab Teka-teki/ Syair Tuan Hempres

Tuan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tok Sheikh Duyung)

- I. SP/3
- i- Sharah al Muqaddimah - Taalit Mohd bin Sulaiman al-Qurdi
 - ii- Juzu' Thalish Min Hashiah - al Sheikh Bukairumi
 - iii- Kitab Alfiah
 - iv- Hukum Feqah - Perempuan berumahtangga
 - v- Kitab Nahu; 1118 H
 - vi- Tawhid fi Bayani; 1226 H
 - vii- Kitab Feqah
 - viii- AlFutuhat al Wahbiah Bisharah al Arbain Annawawiah al Alam
Al Alamah Sheikh Ibrahim ibn Mar'ie
 - ix- Kitab Tauhid; 1238 H
 - x- Feqah Melayu - Bab Sembahyang
 - xi- Sharah al Zanjani fi Saraf al Sheikh al Alamah Ustaz Fadhil Abu
Hassan Ali ibn al Hisham al Kailani al Shafei
 - xii- Al matlabul Tama al Sawiyi Ala Hizb al Imam Nawawi; 1440 H
 - xiii- Kitab Al Ghayatul Usul Ha Ilmul Fusul - Abi Yahya Zakaria al
Ansari al Shafei
 - xiv- Kitab al Wafi Bihalli al Kafi fi ilmul Arud Wal Khowafi Minal
Mubiqat al Alam al Alamah al Sheikh Abdul Rahman ibn Isa Ibn
Marshad al Hanafi
 - xv- Kitab Tafsir
 - xvi- Kitab Feqah - Ibrahim bin Mohd Hashim; 1240 H

* Salinan asal yang diperolehi daripada Arkib Negara Cawangan Terengganu/Pahang

- xvii- Kitabul Sharah
 xviii- Kitab Minhajul Abidin Imam al Ghazali
 xix- Hashiah al Alam al Alamah al Hubr al Fahamah al Ustaz Sheikhul Islam al Baijuri at Matan al Sanisiah Rahimahullah Taala; 1298 H
 xx- Kitab Hadith 40
 xxi- Mukhtasar Bukhari
 xxii- Al Furqu Bainal Hayat Mustammirah Wal Farqu Bainal Mustaqirrah
 xxiii- Kitab Feqah
 xxiv- Muratibul Wujud al Sheikhul al Kamil al Muhaqiq Abd. Karim al Jailani
 xxv- Kitab Arab - tajuk tidak dapat dikesan
 xxvi- Kitab al Iqna'; 1234 H
 xxvii- Tajuk tidak dapat dikesan
 xxviii- Kitab Berzanji
 xxix- Ittihaful Murid Bi Jauharah Tauhid; 1225 H
 xxx- Kitab Ummu Baharim; 1170 H
 xxxi- Sharah Sheikh al Alam al alamah Muhammad bin Qasim al Razi
 xxxii- Juzu' Awwal Min Mashiah al Bujairumi al Saharah al Khatib
 xxxiii- Catatan Hukum dan Perbicaraan oleh Tok Sheikh Duyung
 xxxiv- Al Muftadi Bisharah Murtadi
 xxxv- Kitab al Adhura al Bahjah Fi Abras Daqaiq al Muharijah Imam al Alamah al Hubr al Bahr al Fahamah Sheikh Zakaria al Ansari; 1228 H
 xxxvi- Kitab Hukum dan Perbicaraan oleh Tok Sheikh Duyung
 xxxvii- Kitab Hikam; 1252 H
 xxxviii- Israq dan Mukraj
 xxxix- Kitab Feqah
 xl- Bayanu Fi Maani Tajwid wa Hukmuhu
 xli- Kitab Nahu; 1330 H
 xlii- Kitab Tajul Urus; 1291 H
 xliii- Kitab Tasawuf; 1224 H
 xliv- Tanbih - Nasihat untuk Raja-raja
 xlv- Sharah al Jauhariyatul Fi Sarah al Duratul Bahyah Nazamul Ajrumiah
 xlvi- Bab Sembahyang
 xlvii- Kitab Doa dan Asmaul Husna
 xlviii- Adab Persembahan Rajadan Catatan Bujairumi 1300 H
 xlix- Kitab Arab dan Zikir Bahasa Melayu
 l- Tafsir al Manam - ibn Sirin
 li- Al Mee'ras Taalif al Sheikh Najamuddin al Qhaisi
 lii- Juzu' Thani Min Hashiah al Bujairumi
 liii- Kitab Kauras/ Feqah
 liv- Kitab Feqah
 lv- Kitab Minhajul Abidin al-Imam Ghazali
 lvi- Tajuk tidak dapat dikesan
 lvii- Tajuk tidak dapat dikesan
 lviii- Kitab Fathul Rahman Maa Kitab Taghib al A' Amal Fi Bayan as Solat

- lix- Nisfu Syaaban
- lx- Kitab Nasihat
- lxi- Al Mukhtasar Fi Mulamatil al Mahdi al Muntazar
- lxii- Catatan Perbicaraan Tak Sheikh Duyung; 1259 H
- lxiii- Tajuk tidak dapat dikesan
- lxiv- Tajuk tidak dapat dikesan
- lxv- Tajuk tidak dapat dikesan
- lxvi- Kitab Tasawuf
- lxvii- Tafsir Al Quran
- lxviii- Jadual li Tawarikh WaI Buruj Wal Manazil lil Alamah al Sheikh
Abd. Wahab ibn Sheikh Mustaffa al Nihās as Shafei
- lxix- Kitab Musammah Sharah Bayam Tashdiq
- lxx- Kitab Nuhjatul Mardiah Fi Sharah al Fiah
- lxxi- Kitab Adab al Qudha
- lxxii- Kitab Sharah Murshidul Salikin

Y.Bhg. Dato' Mohd Salleh (Ustaz Embak)

I. SP/5

- Kitab THIB - Kitab Perubatan Tradisional

Tuan Guru Haji Abbas

I. SP/9

- Kitab Risalah Jiwa Sembahyang